

Insurans Deposit

Sebuah Panduan Pengguna



Insurans Deposit Panduan Pengguna

Para pengguna di Singapura menikmati manfaat daripada sistem perbankan yang utuh. Bank-bank dan syarikat kewangan yang berlesen di Singapura adalah di bawah penyeliaan Penguasa Kewangan Singapura (MAS). Matlamat MAS adalah untuk memastikan kemantapan sistem perbankan di Singapura dan mewajibkan institusi-institusi kewangan mempunyai sistem pengurusan risiko yang teguh dan kawalan dalaman yang secukupnya. Bagaimanapun, MAS tidak memberi jaminan terhadap keutuhan sesebuah institusi kewangan. Oleh itu, satu Skim Insurans Deposit telah dibentuk untuk melindungi simpanan utama para penyimpan kecil di Singapura sekiranya sesebuah bank penuh atau syarikat kewangan menemui kegagalan.

Tujuan Panduan ini adalah untuk membantu anda memahami tentang insurans deposit dan bagaimana Skim Insurans Deposit berfungsi.

Apa itu insurans deposit?

2 Insurans deposit melindungi penyimpanan sekiranya sesebuah bank atau syarikat kewangan menemui kegagalan.

Siapa yang mentadbir Skim Insurans Deposit di Singapura? Apakah bentuk perlindungan yang diberikan di bawah Skim Insurans Deposit?

Perbadanan Insurans Deposit Singapura ("SDIC") mentadbir Skim Insurans Deposit di Singapura.

Dalam keadaan sesebuah bank atau syarikat kewangan yang menjadi anggota Skim menemui kegagalan, kesemua akaun anda yang layak, yang anda simpan dengan anggota berkenaan akan dijumlahkan dan diberi perlindungan insurans sehingga S\$20,000, jumlah bersihnya selepas ditolak kesemua tanggungan anda terhadap bank atau syarikat kewangan berkenaan.

Wang yang disimpan dalam deposit bank di bawah Skim Pelaburan CPF diberi perlindungan insurans secara berasingan sehingga S\$20,000.

Institusi mana yang menjadi anggota Skim Insurans Deposit?

Kesemua bank penuh dan syarikat kewangan¹ di Singapura diwajibkan menjadi anggota Skim Insurans Deposit ("anggota Skim").

Senarai anggota Skim juga dipaparkan di laman Internet SDIC di www.sdic.org.sg.

Siapa yang diberi perlindungan insurans SDIC?

Orang individu dan badan kebajikan yang memiliki deposit dengan perlindungan insurans dalam bank penuh atau syarikat kewangan di Singapura diberi perlindungan insurans oleh SDIC. Deposit urusan niaga oleh syarikat, rakan perkongsian dan pemilik tunggal tidak diberi perlindungan insurans oleh SDIC.

Para pengguna tidak perlu membuat permohonan bagi mendapatkan perlindungan insurans untuk deposit mereka. Ia diberikan secara automatik jika simpanan mereka berada di bawah jenis yang mempunyai perlindungan, dan disimpan di bank dan syarikat yang menjadi anggota Skim.

Apakah jenis deposit yang diberi perlindungan di bawah Skim Insurans Deposit?

SDIC memberikan perlindungan insurans kepada deposit dalam bentuk matawang Singapura termasuk faedah yang diraih, yang disimpan dengan sesebuah bank penuh atau syarikat kewangan di mana-mana cawangan mereka di Singapura. Ini termasuk deposit dalam bentuk

- Akaun simpanan
- Akaun deposit tetap
- Akaun semasa
- Deposit di bawah Skim Pelaburan CPF.

Setiap anggota Skim mempunyai senarai deposit dengan perlindungan insurans yang ia tawarkan. Untuk mengetahui jika sesuatu akaun deposit yang ditawarkan bank atau syarikat kewangan anda berada di bawah perlindungan insurans, sila rujuk kepada senarai deposit dengan perlindungan insurans di institusi berkenaan.

¹ Bank-bank penuh mempunyai lesen menjalankan seluruh urusan niaga perbankan termasuk pengambilan deposit, penyediaan perkhidmatan cek dan pinjaman. Sebaliknya, syarikat-syarikat kewangan memberi tumpuan pada penyediaan khidmat pinjaman skala kecil, termasuk pinjaman kenderaan dengan bayaran ansuran. Kedua-dua bank penuh dan syarikat kewangan dibenarkan mengambil deposit dolar Singapura secara runcit.

Apakah jenis produk kewangan yang tidak mendapat perlindungan di bawah Skim Insurans Deposit?

SDIC tidak memberikan perlindungan insurans kepada sebarang produk kewangan melainkan jenis-jenis akaun yang disenaraikan di atas. Produk-produk yang tidak mempunyai perlindungan insurans termasuk:

- deposit matawang asing
- deposit berstruktur
- deposit yang disimpan sebagai jaminan
- produk pelaburan seperti amanah saham, saham dan sekuriti lain.

Bagaimana Skim Insurans Deposit berfungsi?

BAGI DEPOSIT TUNAI

Kesemua akaun anda yang layak dan disimpan dengan anggota Skim yang menemui kegagalan, kecuali bagi deposit di bawah Skim Pelaburan CPF, dijumlahkan dan diberi perlindungan sehingga \$20,000, jumlah bersihnya selepas ditolak tanggungan anda terhadap anggota Skim berkenaan. Deposit yang disimpan secara berasingan di setiap cawangan sesebuah anggota Skim, tidak diberikan perlindungan insurans secara berasingan - ertinya kesemua akaun anda yang layak, yang disimpan di cawangan-cawangan berbeza anggota Skim yang menemui kegagalan itu, dijumlahkan dan diberi perlindungan insurans sehingga \$20,000, jumlah bersihnya selepas ditolak tanggungan anda terhadap anggota Skim berkenaan.

BAGI DEPOSIT DI BAWAH SKIM PELABUHAN CPF

Wang yang disimpan dalam bentuk deposit bank di bawah Skim Pelaburan CPF (CPFIS) diberi perlindungan secara berasingan sehingga S\$20,000.

Ilustrasi berikut memaparkan bagaimana jumlah perlindungan insurans deposit dihitung mengikut situasi berbeza.

**ILUSTRASI 1:
ANDA MEMPUNYAI BEBERAPA DEPOSIT BERBEZA DI BANK
YANG SAMA**

Misalnya anda mempunyai S\$15,000 dalam akaun simpanan anda, S\$2,500 dalam akaun semasa dan deposit tetap matawang AS berjumlah AS\$10,000 dengan sebuah bank. Anda juga menyimpan S\$50,000 wang CPF anda dalam deposit tetap di bawah CPFIS dengan bank yang sama. Jumlah yang diberi perlindungan insurans dihitung seperti berikut:

	Baki Akaun	Jumlah Dengan Lindungan Insurans	Jumlah Tanpa Lindungan Insurans
Akaun Simpanan (a)	S\$15,000		
Akaun Semasa (b)	S\$ 2,500		
Jumlah Deposit Dengan Lindungan Insurans (c = a + b)	S\$17,500	S\$17,500 ¹	S\$0
Deposit Tetap Di bawah CPFIS	S\$50,000	S\$20,000 ²	S\$30,000 ²
Deposit Tetap Dolar AS	AS\$10,000	AS\$0	AS\$10,000 ³
Jumlah Keseluruhan Dengan Lindungan Insurans		S\$37,500	

Nota:
 1) Deposit yang diberi perlindungan insurans adalah dijumlahkan dan mendapat perlindungan insurans sehingga S\$20,000.
 2) Wang CPF disimpan sebagai deposit tetap di bawah CPFIS diberi perlindungan insurans sehingga S\$20,000.
 3) Deposit matawang asing tidak diberi perlindungan di bawah Skim Insurans Deposit.



ILUSTRASI 2A: ANDA MEMPUNYAI SIMPANAN DAN PINJAMAN BAYARAN BULANAN YANG BELUM DIJELASKAN SEPERTI PINJAMAN PERUMAHAN DI BANK YANG SAMA

Katakan anda mempunyai \$15,000 di akaun simpanan. Di samping itu anda ada pinjaman perumahan sebanyak \$200,000 yang belum dijelaskan di bank yang sama. Bayaran pinjaman perumahan ialah \$1,500 sebulan, dan anda belum jelaskan bayaran 2 bulan dengan bank. Jumlah dilindungi insurans dikira seperti berikut:

	Baki Akaun	Jumlah Dengan Lindungan Insurans	Jumlah Tanpa Lindungan Insurans
Akaun Simpanan (a)	S\$15,000		
Bayaran bulanan pinjaman perumahan yang harus dijelaskan (b)	S\$ 3,000		
Deposit bersih = Deposit tolak bayaran bulanan yang harus dijelaskan (c = a – b)	S\$12,000	S\$12,000	
Jumlah Keseluruhan Dengan Lindungan Insurans		S\$12,000¹	

Nota:

- 1) Di bawah undang-undang mufliis Singapura, deposit anda secara automatik akan digunakan untuk melunaskan tanggungan yang belum dijelaskan anda dengan sesebuah bank, jika bank itu menemui kegagalan. Menurut ilustrasi ini, selepas ditolak bayaran tunggakan pinjaman perumahan sebanyak 2 bulan, deposit bersih anda dengan bank berkenaan dikurangkan menjadi S\$12,000. Jumlah ini (S\$12,000) diberi perlindungan insurans oleh SDIC. Pengambilan semula jumlah ini oleh anda dari sesebuah bank yang gagal itu tidak akan bergantung kepada sama ada bank tersebut mempunyai aset secukupnya untuk memenuhi tanggungan mereka, seperti yang akan berlaku tanpa insurans deposit.

ILUSTRASI 2B: ANDA ADA SIMPANAN DAN PINJAMAN PUSINGAN, SEPERTI KEMUDAHAN KAD KREDIT DENGAN BANK YANG SAMA

Katakan anda ada \$2,000 dalam akaun simpanan. Di samping itu anda ada akaun kad kredit dengan had \$10,000 di bank yang sama. Bayaran penuh yang harus dijelaskan ke atas akaun kad kredit adalah \$5,000. Jumlah dilindungi insurans dikira seperti berikut:

	Baki Akaun	Jumlah Dengan Lindungan insurans	Jumlah Tanpa Lindungan insurans
Akaun Simpanan (a)	S\$2,000		
Bayaran penuh ke atas akaun kad kredit (b)	S\$5,000		
Pinjaman bersih = Bayaran penuh tolak deposit (c = b – a)	S\$3,000		
Jumlah Keseluruhan Dengan Lindungan Insurans		S\$0¹	

Nota:

- 1) Di bawah undang-undang mufliis Singapura, deposit anda secara automatik akan digunakan untuk melunaskan tanggungan yang belum dijelaskan anda dengan bank berkenaan, jika bank itu gagal. Dalam ilustrasi ini, simpanan anda berjumlah S\$2,000 akan digunakan sepenuhnya untuk membayar sebahagian hutang akaun kad kredit anda. Baki pinjaman belum dijelaskan berkurang menjadi S\$3,000, dan deposit bersih anda menjadi S\$0. Oleh kerana anda telah pun memperolehi semula jumlah penuh deposit anda melalui penjelasan bagi pinjaman di bawah undang-undang mufliis, tidak ada lagi baki tuntutan terhadap bank yang gagal itu. Oleh itu, tidak ada bayaran perlindungan insurans deposit.

Akaun Bersama

Bagi deposit dalam akaun bersama, bahagian yang dimiliki setiap pemegang akaun bersama digabungkan dengan deposit lain mereka yang disimpan atas nama mereka. Jumlah agregat deposit yang layak, diberi perlindungan sehingga S\$20,000. Setiap pemegang akaun bersama dianggap mempunyai bahagian yang setara dalam akaun bersama itu, kecuali rekod dalam sesebuah anggota Skim itu menunjukkan keadaan sebaliknya.

ILUSTRASI 3:

KIRAAN BAGI PERLINDUNGAN INSURANS DEPOSIT UNTUK AKAUN BERSAMA

Misalnya anda mempunyai S\$15,000 dalam akaun simpanan anda dan anda mempunyai S\$20,000 dalam akaun bersama dengan pasangan anda. Pasangan anda tidak mempunyai sebarang akaun peribadi. Bahagian bagi masing-masing pemegang akaun bersama itu dianggap setara, kecuali keadaan sebaliknya tercatat dalam rekod bank berkenaan, bagi tujuan pengiraan perlindungan insurans deposit. Jumlah yang diberi perlindungan insurans dikira sebagai berikut:

	Baki Akaun	Jumlah Dengan Lindungan Insurans	Jumlah Tanpa Lindungan Insurans
Akaun Simpanan	S\$15,000		
Bahagian anda dalam Akaun Bersama (S\$20,000÷2)	S\$10,000		
Jumlah Deposit	S\$25,000	S\$20,000	S\$5,000
Jumlah Keseluruhan Dengan Lindungan Insurans		S\$20,000	
Bahagian pasangan anda dalam Akaun Bersama (S\$20,000÷2)	S\$10,000	S\$10,000	
Jumlah yang diberi perlindungan insurans bagi pasangan anda		S\$10,000	

Deposit Yang Dipegang Dalam Amanah dan Akaun Klien

Deposit-deposit yang layak, yang dipegang dalam amanah atau dalam akaun klien, untuk manfaat seseorang individu atau kebajikan diberi perlindungan insurans dengan syarat rekod anggota Skim berkenaan mengenal pasti pewaris atau kliennya. Bahagian untuk pewaris bagi deposit itu dijumlahkan dengan deposit-deposit lain yang mempunyai perlindungan insurans dan ia diberi perlindungan insurans sehingga S\$20,000.

Perlukan saya membayar premium bagi perlindungan insurans deposit?

Tidak, penyimpan deposit tidak perlu membayar premium bagi perlindungan insurans deposit.

Apakah yang perlu dilakukan oleh penyimpan deposit apabila bank atau syarikat kewangan mereka gagal?

SDIC akan menyediakan butir-butir mengenai bagaimana pampasan akan dibuat. Anda tidak perlu mengemukakan sebarang tuntutan. SDIC akan membuat pengumuman melalui TV, akhbar dan di bank atau syarikat kewangan yang terjejas. Jika deposit anda melebihi pampasan daripada SDIC, anda boleh mengemukakan tuntutan berasingan dengan pembubar perniagaan bagi jumlah tambahan itu tetapi anda tidak boleh menuntut lagi bagi jumlah yang telah pun diberi pampasan.





Hubungi SDIC

Maklumat lanjut mengenai insurans deposit boleh diperolehi dengan menghubungi SDIC:

Singapore Deposit Insurance Corporation Ltd

10 Shenton Way #11-06

MAS Building

Singapore 079117

Lelaman Internet: www.sdic.org.sg

E-mel: infosdic@sdic.org.sg

Nombor Pendaftaran Syarikat 200600593Z

MoneySENSE- Sebuah Program Pendidikan Kewangan Nasional

Pada Oktober 2003, Pemerintah Singapura melancarkan sebuah program pendidikan kewangan nasional bernama MoneySENSE. MoneySENSE adalah sebuah program jangka panjang yang menyatukan inisiatif-inisiatif industri dan sektor awam untuk meningkatkan kefahaman asas pengguna mengenai urusan kewangan. MoneySENSE adalah satu usaha kerjasama di kalangan pelbagai agensi pemerintah - Penguasa Kewangan Singapura (MAS), Kementerian Pembangunan Masyarakat, Belia dan Sukan (MCYS), Kementerian Pendidikan (MOE), Kementerian Tenaga Manusia (MOM), Lembaga Tabung Simpanan Pekerja (Lembaga CPF) dan Persatuan Rakyat (PA) - dan badan-badan sektor swasta dan pertubuhan-pertubuhan kemasyarakatan. Untuk panduan-panduan lain dan maklumat pendidikan tentang urusan kewangan peribadi, sila lawat lelaman Internet MoneySENSE di www.moneysense.gov.sg